

## Manfaat Perkhidmatan e-Pengeluaran



Serahan Permohonan & Pengesahan Kelayakan Dalam Talian | e-Pengesahan Pihak Ketiga | e-Pemrosesan & Kelulusan | e-Bayaran | e-Komunikasi

### 1 Login ke i-Akaun



### 2



Kaedah pengesahan 2 faktor (ID Pengguna, katalaluan, Imej Sekuriti, TAC)



i. Sejarah pengeluaran  
ii. Had maksimum  
iii. Bayaran secara pengkreditan terus

### 3 Berjaya!



## Kelebihan Menggunakan e-Pengeluaran

1. Penghantaran permohonan secara dalam talian, pada bila-bila masa dan di mana sahaja.
2. Semakan amaun kelayakan pengeluaran secara dalam talian.
3. Pengesahan permohonan secara dalam talian.
4. Pengkreditan terus ke akaun simpanan/semasa Ahli atau ke akaun bank Rakan Niaga e-Pengeluaran.
5. Makluman status permohonan melalui SMS dan Mesej Sekuriti di inbox i-Akaun Ahli.

## Enam (6) Langkah Mudah Menggunakan e-Pengeluaran

1. Daftar/Log Masuk ke i-Akaun melalui laman web rasmi KWSP.
2. Pilih tab 'Pengeluaran'.
3. Klik 'Permohonan Baru' untuk memulakan transaksi permohonan.
4. Pengesahan serahan melalui mobile Transaction Authorisation Code (TAC) untuk pengesahan identiti ahli.  
*Nota: Pastikan anda telah mendaftar/ mengemaskini nombor mobile TAC di kaunter/kios KWSP.*
5. Permohonan diluluskan secara dalam talian sekiranya ahli memenuhi syarat e-Pengeluaran. Sekiranya tidak, ahli akan menerima SMS/ makluman Mesej Sekuriti di peti mesej i-Akaun (Ahli) untuk hadir ke pejabat KWSP bagi pengecaman Cap Ibu Jari dan kelulusan.
6. Semak Akaun Simpanan/Semasa ahli atau akaun bank Rakan Niaga e-Pengeluaran (sekiranya berkenaan) untuk pengkreditan bayaran.

#### NOTA


Ahli adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa pembayaran yang kena dibayar kepada pihak ketiga (sekiranya ada) berkaitan dengan permohonan ini. Jumlah pembayaran adalah berbeza mengikut institusi.

## Maklumat Terkini Mengenai e-Pengeluaran Boleh Didapati Di Laman Web Rasmi KWSP

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Layari  
**[www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)**  
atau Hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan  
**03-89226000**

Cetakan : Disember 2018

# e- Pengeluaran



Permohonan pengeluaran secara dalam talian melalui laman web rasmi KWSP bagi ahli yang mempunyai i-Akaun pada bila-bila masa.

### **e-Pengeluaran**

Ahli yang berdaftar sebagai pengguna i-Akaun boleh memohon secara dalam talian untuk pengeluaran berikut:

1. Membeli/membina rumah	Ahli mengambil pinjaman perumahan dengan Institusi Pemberi Pinjaman
2. Mengurang/ Menyelesaikan baki pinjaman perumahan	
3. Ansuran bulanan pinjaman perumahan	
4. Pendidikan	Ahli mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) <b>DAN/ATAU</b> mengambil pinjaman dari Institusi Pemberi Pinjaman Pendidikan dalam negara
5. Kesihatan	Ahli yang menerima rawatan di Institusi Perubatan dalam negara

Permohonan melibatkan institusi yang telah menyertai e-Pengeluaran (Rakan Niaga e-Pengeluaran).

*Senarai terkini Institusi yang telah menyertai e-Pengeluaran boleh dirujuk di laman web rasmi KWSP.*

### **Saluran Permohonan**

- Melalui i-Akaun (Ahli)
- Melalui i-Akaun (Rakan Niaga)

### **Syarat-syarat Kelayakan e-Pengeluaran**

1. Syarat kelayakan pengeluaran sedia ada adalah terpakai untuk e-Pengeluaran.
2. Permohonan ahli boleh diluluskan tanpa perlu hadir ke pejabat KWSP untuk pengecaman cap ibu jari apabila ianya:

- Memenuhi syarat-syarat e-Pengeluaran.
  - Mempunyai rekod permohonan pengeluaran terdahulu yang telah diluluskan.
  - Permohonan pengeluaran tidak melebihi amaun pengeluaran maksimum sehari.
3. Walau bagaimanapun, dalam keadaan khas dan tertentu, ahli akan dimaklumkan melalui SMS/ Mesej Sekuriti di peti mesej i-Akaun untuk hadir ke pejabat KWSP bagi pengecaman cap ibu jari dan serahan dokumen (jika perlu).
  4. Bayaran pengeluaran adalah secara pengkreditan terus ke akaun simpanan/ semasa ahli atau ke akaun Rakan Niaga e-Pengeluaran.